

31/01/2003

Dasar Sosial Negara dibentang ke Kabinet 19 Februari

KUALA LUMPUR: Dasar Sosial Negara (DSN) yang akan dibentangkan untuk pertimbangan Kabinet pada 19 Februari ini tidak akan menggantikan sebarang jentera pelaksana menangani masalah sosial sedia ada.

Sebaliknya, jentera pusat itu akan bertindak seiringan dengan jentera pelaksana sebagai penyelarar, pemantau dan mekanisme menyepadukan usaha multisektor pelbagai agensi, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Beliau berkata, pelaksanaan dasar payung berkenaan akan menyelesaikan masalah menangani masalah sosial sekarang yang sering bertindan, berulang dan kurang kerjasama antara pelbagai agensi.

"Kita akan membenarkan jentera sedia ada meneruskan usaha menangani isu sosial masing-masing. Dasar ini akan berfungsi sebagai penghubung antara agensi dan badan bukan kerajaan.

"Selain itu, ia bertindak sebagai saluran bagi mengangkat isu tergendala dan berbangkit ke paras lebih tinggi untuk dibincangkan pada peringkat pemimpin bagi mendapatkan cadangan penyelesaian sebelum arahan langkah disampaikan semula ke akar umbi dengan lebih tersusun, terkawal dan tepat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Perhimpunan Awal Tahun 2003 dan Pelancaran Logo Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, di Hotel Legend di sini semalam.

Dr Siti Zaharah berkata, sebelum ini dasar membabitkan isu sosial wujud tetapi secara berasingan seperti pendidikan, orang kurang upaya serta kemiskinan dan sering kali terpinggir.

"Tanpa dasar ini susah untuk integrasi atau selaraskan usaha serta tidak boleh wujudkan mekanisme yang kuat untuk menangani masalah sosial seperti yang berlaku sekarang," katanya.

Beliau berkata, cadangan dasar yang sudah ditimbang dan diluluskan di peringkat Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial itu akan dilaksanakan serta merta selepas diluluskan Kabinet.

Ia dimulakan dengan penubuhan jentera penyelarasan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang diterajui Majlis Sosial Negara dan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Majlis ini akan menyelaras merancang, melaksana dan memantau program pembangunan sosial peringkat persekutuan, negeri dan daerah serta peringkat akar umbi secara bersepadu. Pembabitkan semua pihak, termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta diberi keutamaan dalam pelaksanaan dasar bagi memastikan tumpuan kekal pada masyarakat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, aktiviti kementeriannya tahun ini akan lebih tertumpu kepada pembangunan sosial, perpaduan negara dan kanak-kanak dengan peruntukan RM443 juta berbanding RM233 juta tahun lalu.

Sementara itu, Dr Siti Zaharah berkata, berikutan lawatannya ke Mongolia yang tamat semalam, Presiden negara itu, Natsagiin Bagabandi dan Perdana Menteri, Nambiar Enkhbayar menunjukkan maklum balas positif terhadap jempunan Malaysia itu untuk menghadiri Sidang Puncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) pada 20 hingga 25 Februari ini.

Bagaimanapun, jawapan muktamad hanya akan diterima menerusi Wisma Putra.